



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN PERTAMA 2026

Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh dan berdaya tahan pada Suku Pertama 2026, dengan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) pada 70.9 peratus dan Permintaan Buruh meningkat dengan Kadar Kekosongan Jawatan 2.1 peratus.

PUTRAJAYA, 22 MEI 2026 – Pasaran buruh kekal berdaya tahan, meskipun berdepan krisis global, dengan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) direkodkan pada 70.9 peratus, manakala permintaan buruh terus bertambah baik, seperti yang dicerminkan oleh kadar kekosongan jawatan sebanyak 2.1 peratus. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan **Sorotan Pasaran Buruh, Suku Tahun Pertama 2026 (LMR ST1 2026)** yang menghimpunkan statistik pasaran buruh suku tahunan serta menyediakan analisis mendalam mengenai trend pasaran buruh Malaysia. Edisi ini turut menampilkan rencana khas bertajuk “Melangkaui Pengangguran: Analisis Struktur Belia NEET di Malaysia”

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Ekonomi Malaysia terus kekal berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan, disokong oleh struktur ekonomi yang pelbagai serta permintaan domestik yang kukuh. Sektor utama seperti perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan terus menjadi tunjang kepada pertumbuhan ekonomi, manakala integrasi negara dalam rantaian bekalan global telah menyokong prestasi perdagangan luar. Momentum pertumbuhan turut diperkukuh oleh peningkatan penggunaan domestik dan perbelanjaan pengguna semasa musim perayaan utama termasuk Tahun Baharu Cina, Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Di samping itu, pasaran buruh yang stabil, dicirikan oleh kadar pengangguran yang rendah dan pertumbuhan guna tenaga yang mampan, terus memperkukuh daya tahan ekonomi negara.”

Dari perspektif pasaran buruh, kedudukan tenaga buruh kekal dalam trend pertumbuhan dengan peningkatan marginal pada suku pertama 2026, peningkatan sebanyak 0.9 peratus atau 145.4 ribu orang kepada 17.23 juta orang (ST1 2025: 17.09 juta orang) berbanding bilangan penganggur yang menurun

sebanyak 3.1 peratus atau menurun sebanyak 16.0 ribu orang kepada 506.5 ribu orang (ST1 2025: 522.5 ribu orang). Kadar pengangguran pada suku pertama 2026 menurun kepada 2.9 peratus berbanding suku sebelumnya. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.9 peratus pada suku pertama 2026 (ST1 2025: 70.8%).

Dalam menangani situasi guna tenaga tidak penuh, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa pertumbuhan penduduk bekerja yang berterusan pada ST1 2026 telah menyebabkan penurunan ketara dalam indikator guna tenaga tidak penuh. Bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu menurun sebanyak 4.1 peratus tahun ke tahun kepada 231.6 ribu orang. Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa juga mencatatkan penurunan sebanyak 15.0 peratus, berjumlah 123.3 ribu orang, dengan kadar 0.7 peratus. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran merujuk kepada individu yang mempunyai pendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir atau berkemahiran rendah mencatat penurunan sebanyak 0.9 peratus (-18.2 ribu orang) tahun ke tahun, merekodkan kepada 1.93 juta orang (ST1 2025: 1.95 juta orang). Walau bagaimanapun, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran menunjukkan trend menurun, berkurangan kepada 35.2 peratus daripada 35.7 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas.

Dari sudut pandangan situasi permintaan buruh, Ketua Perangkawan menyatakan, permintaan buruh di Malaysia terus berkembang pada suku pertama 2026, selaras dengan pertumbuhan 1.8 peratus dalam bilangan jawatan yang direkodkan atau peningkatan sebanyak 162.4 ribu jawatan menjadikan jumlah keseluruhan 9.23 juta, berbanding suku yang sama tahun sebelumnya (ST1 2025: 9.06 juta). Pertumbuhan bilangan jawatan adalah sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan kadar pengangguran menurun pada 2.9 peratus. Bilangan jawatan yang diisi pada suku pertama 2026 juga meningkat sebanyak 1.8 peratus untuk mencatatkan 9.03 juta pekerjaan (ST1 2025: 8.87 juta). Begitu juga, bilangan kekosongan jawatan dalam sektor ekonomi adalah 194.8 ribu, dengan peningkatan sebanyak 0.4 peratus berbanding suku yang sama tahun lepas (ST1 2025: 194.1 ribu).

Dengan keadaan ekonomi yang berdaya tahan pada suku pertama 2026, produktiviti buruh yang diukur berdasarkan nilai tambah setiap kelebihan pekerjaan meningkat sebanyak 4.3 peratus (ST1 2025: 2.5%) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya dengan mencatatkan nilai RM26,171 setiap orang (ST4 2025: RM27,454; ST1 2025: RM25,081). Sementara itu, jumlah jam bekerja pada suku tahun pertama 2025 meningkat sebanyak 0.5 peratus dengan mencatatkan sejumlah 9.63 bilion jam. Oleh itu, nilai tambah setiap jam bekerja meningkat 4.8 peratus dengan nilai RM45.5 sejam (ST4 2025: RM47.7; ST1 2025: RM43.4).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengakhiri kenyataannya dalam siaran hari ini dengan menyatakan bahawa ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan global dan gangguan rantai bekalan akibat ketegangan

geopolitik yang memberi kesan kepada pasaran makanan dan tenaga, sekali gus meningkatkan tekanan kos sara hidup. Beliau berkata, “ekonomi negara terus mencatat pertumbuhan pada suku pertama 2026, mencerminkan ketahanan ekonomi yang kukuh serta menyokong pasaran buruh yang kekal stabil dengan peningkatan guna tenaga, pengurangan pengangguran dan produktiviti buruh yang lebih tinggi. Walaupun berdepan tekanan kos akibat kenaikan harga tenaga global, pelbagai intervensi kerajaan termasuk subsidi bersasar, kawalan harga dan inisiatif kecekapan tenaga terus dilaksanakan bagi mengurangkan impak kepada isi rumah serta memastikan kestabilan ekonomi dan pasaran buruh kekal terpelihara.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 MEI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

LABOUR MARKET REVIEW, FIRST QUARTER OF 2026

Malaysia's labour market remained strong and resilient in the First Quarter of 2026, with the Labour Force Participation Rate (LFPR) at 70.9 per cent and Labour Demand improving, as reflected by a Job Vacancies Rate of 2.1 per cent

PUTRAJAYA, 22 MAY 2026 – The labour market remained resilient, despite the global crisis, with the labour force participation rate (LFPR) recorded at 70.9 per cent, while labour demand continued to expand, as reflected in a vacancy rate of 2.1 per cent. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **Labour Market Review, First Quarter 2026 (LMR Q1 2026)** today, consolidating quarterly labour statistics and providing an in-depth analysis of Malaysia's labour market trends. This edition also features a special article, "Beyond Unemployment: A Structural Analysis of Youth NEET in Malaysia".

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Malaysia's economy continues to remain resilient and competitive despite facing various shocks stemming from global economic uncertainties, supported by its diversified economic structure and strong domestic demand. Key sectors such as services, manufacturing and construction have continued to underpin economic growth, while the country's integration into global supply chains has strengthened external trade performance. The growth momentum was further supported by higher consumer spending during major festive periods, including Chinese New Year, Ramadan and Hari Raya Aidilfitri. In addition, a stable labour market, supported by low unemployment and sustained employment growth, has further reinforced the nation's economic resilience."

In the perspective of labour market, the labour force position remained in a growth trend with a marginal increase in the first quarter of 2026, with an increase of 0.9 per cent or 145.4 thousand persons to register 17.23 million persons (Q1 2025: 17.09 million persons) in contrast the number of unemployed persons edged down by 3.1 per cent or decrease 16.0 thousand persons to record 506.5 thousand persons (Q1 2025: 522.5 thousand persons). The unemployment rate in the first quarter of 2026

slightly decreases to 2.9 per cent as compared to previous quarter. The labour force participation rate (LFPR) increases by 0.1 percentage points to 70.9 per cent in the first quarter of 2026 (Q1 2025: 70.8%).

In addressing the underemployment situation, the Chief Statistician noted that sustained employment growth in the Q1 2026 led to a notable decline in underemployment indicators. The number of persons working less than 30 hours per week decreased by 4.1 per cent year-on-year to 231.6 thousand persons. Time-related underemployment also registered a decline of 15.0 per cent, totaling 123.3 thousand persons, with the rate of 0.7 per cent. Meanwhile, skills-related underemployment which referred to individuals with tertiary education employed in semi-skilled or low-skilled occupations recorded a decrease of by 0.9 per cent (-18.2 thousand persons) year-on-year, to record 1.93 million persons (Q1 2025: 1.95 million persons). Nonetheless, the rate of skills-related underemployment showed a downward trend, declining to 35.2 per cent from 35.7 per cent in the same period last year.

From the viewpoint of labour demand situation, the Chief Statistician stated, labour demand in Malaysia continued to expand in the first quarter of 2026, in tandem with the growth of 1.8 per cent in number of jobs recorded or an increment of 162.4 thousand jobs bringing a total of 9.23 million, as against to the same quarter of the preceding year (Q1 2025: 9.06 million). The growth in the number of jobs is aligned with the economy growth and unemployment rate decreases at 2.9 per cent. The number of filled jobs in the first quarter of 2026 also strengthened by 1.8 per cent to record 9.03 million jobs (Q1 2025: 8.87 million). Similarly, the number of jobs vacancies in the economic sector was 194.8 thousand, with a rise of 0.4 per cent compared to the same quarter last year (Q1 2025: 194.1 thousand).

With a resilient economic condition in the first quarter of 2026, labour productivity measured by value added per employment increased by 4.3 per cent (Q1 2025: 2.5%) compared to the same quarter last year, recording a value of RM26,171 per person (Q4 2025: RM27,454; Q1 2025: RM25,081). Meanwhile, total hours worked in the first quarter of 2026 increased by 0.5 per cent, reaching 9.63 billion hours. As a result, value added per hour worked rose by 4.8 percent to RM45.5 per hour (Q4 2025: RM47.7; Q1 2025: RM43.4).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded his statement in today's release by saying that Malaysia's economy remains resilient despite global uncertainties and supply chain disruptions arising from geopolitical tensions, which have affected global food and energy markets and increased cost-of-living pressures. He said "the economy continues to grow in the first quarter of 2026, reflecting robust economic resilience and supporting a stable labour market, underpinned by higher employment, lower unemployment, and improved labour productivity. Despite cost pressures from rising global energy prices, various government interventions, including targeted subsidies, price controls, and energy efficiency initiatives, continue to be implemented to mitigate impacts on households and ensure economic and labour market stability remain intact."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 MAY 2026**